

ZHUBEE VITAMIN C TABLET 300MG

Ascorbic acid/ Sodium Ascorbate (115mg/208mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ZHUBEE VITAMIN C TABLET
2. Bagaimana ZHUBEE VITAMIN C TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan ZHUBEE VITAMIN C TABLET
4. Cara menggunakan ZHUBEE VITAMIN C TABLET
5. Semasa menggunakan ZHUBEE VITAMIN C TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ZHUBEE VITAMIN C TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan ZHUBEE VITAMIN C TABLET

ZHUBEE VITAMIN C TABLET digunakan untuk rawatan dan pencegahan kekurangan Vitamin C yang menjerus kepada skurvi.

Bagaimana ZHUBEE VITAMIN C TABLET berfungsi

Ascorbic Acid (Vitamin C) penting dalam pembentukan kolagen dan bahan antara sel. Ia berperanan dalam pembangunan rawan, tulang dan gigi, penukaran asid folik ke asid folinik, pemulihan tisu.

Sebelum menggunakan ZHUBEE VITAMIN C TABLET

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan ZHUBEE VITAMIN C TABLET jika anda alah terhadap *Ascorbic Acid* atau sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini.

- Sebelum menggunakannya

Sebelum mengambil ZHUBEE VITAMIN C TABLET, anda perlu beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami:

- Penyakit buah pinggang atau pernah mengalami batu ginjal
- Hemokromatosis (penyakit genetik yang menyerap terlalu banyak zat besi dalam diet pemakanan)
- Talasemia (penyakit darah)
- Polisitemia (penyakit dimana terlalu banyak sel darah merah dihasilkan)
- Leukemia (penghasilan sel darah putih yang tidak normal)
- Anemia sideroblastik (penyakit darah)

Jika anda tidak pasti jika anda sedang atau pernah menghidap mana-mana gejala diatas, anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda.

Wanita mengandung

Beritahu doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung atau mungkin hamil semasa mengambil ubat ini.

Penyusuan

Beritahu doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mulai penyusuan atau mungkin sedang menyusu semasa mengambil ubat ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ZHUBEE VITAMIN C TABLET.

Sebelum menggunakan ZHUBEE VITAMIN C TABLET adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil apa-apa ubat lain, yang diperolehi dengan atau tanpa preskripsi doktor.

Cara menggunakan ZHUBEE VITAMIN C TABLET

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan dengan teliti. Jika anda tidak memahami arahan pada label, tanya doktor, atau ahli farmasi untuk mendapatkan nasihat.

Kanak-kanak (bawah 12 tahun) : 1-2 tablet sehari

Dewasa : 2- 4 tablet sehari

Tablet boleh dikunyah atau dicairkan di dalam mulut.

- Kekerapan penggunaan

Diambil selepas makan. Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama untuk digunakan

Teruskan mengambil ZHUBEE VITAMIN C TABLET seperti yang doktor anda syorkan. Sekiranya masalah berterusan, sila berjumpa dengan doktor anda.

- Jika anda lupa menggunakannya

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi mengenai apa yang perlu anda lakukan jika anda

terlupa menggunakannya. Ambil dos terlepas sebaik sahaja anda ingat. Sekiranya hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga waktu mengambil ubat itu dan langkau dos yang tidak diambil. Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda mengangap anda atau sesiapa mungkin mengambil terlalu banyak ubat ini. Lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa anda menggunakan ZHUBEE VITAMIN C TABLET

- Perkara yang perlu dilakukan

- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil ZHUBEE VITAMIN C TABLET.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh anda lakukan

- Jangan mengambil lebih daripada dos yang dicadangkan kecuali jika disyorkan oleh ahli farmasi atau doktor anda.
- Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berikan ZHUBEE VITAMIN C TABLET kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai gejala

atau keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau menggunakan jentera operasi sehingga anda tahu bagaimana ZHUBEE VITAMIN C TABLET memberi kesan kepada anda.

Pesakit yang mempunyai zat besi berlebihan harus mengekalkan pengambilan *Ascorbic Acid* yang minimum.

Kesan-Kesan sampingan

Seperti semua ubat, ZHUBEE VITAMIN C TABLET boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya. Sekiranya kesan sampingan berterusan, jangan ambil ubat dan rujuk kepada doktor.

Beritahu doktor anda jika anda melihat mana-mana kesan sampingan berikut atau perhatikan apa-apa kesan lain yang tidak disenaraikan:

- Cirit-birit
- Gangguan perut yang lain.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]”

Cara penyimpanan dan pelupusan ZHUBEE VITAMIN C TABLET

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Lindungi dari cahaya. Jauhi dari kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubatan tidak boleh dibuang melalui air di rumah. Tanya ahli farmasi anda cara pelupusan ubatan yang betul. Langkah ini boleh membantu menjaga alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bulat berwarna jingga dengan diameter 13 mm bertanda ‘duo 861’.

- Bahan-bahan

- Bahan-bahan aktif
 - *Ascorbic Acid*
 - *Sodium Ascorbate*
- Bahan-bahan tidak aktif
 - Polyvinylpyrrolidone
 - Sucrose
 - Isopropyl Alcohol
 - Deionized water
 - Sunset yellow
 - Talcum
 - Magnesium Stearate
 - Saccharine Sodium
 - Perisa oren

- Nombor MAL

MAL19961675XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Duopharma (M) Sdn. Bhd. Lot. 2599, Jalan Seruling 59, Kawasan 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tarikh kemaskini RIMUP

08/03/2022

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)030919/00241